



BANYAK...Fairuz bersama koleksi minyak wangi mini.

# Pakar haruman

Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

**R**EKAAN botol kacanya comel bersaiz kecil, penutup diukir kreatif, aroma disukai ramai dan jenamanya sudah pasti dikenali seluruh dunia. Seperti 'ibunya', minyak wangi mini memiliki sifat dan ciri yang sama, perbezaan hanya pada saiz dan isi kandungannya.

Bagi pengumpul minyak wangi pasti menyedari kewujudan si mini yang sering dihadiahkan kepada mereka sekiranya membeli aksesori wajib berkenaan pada musim tertentu, tidak kira ia daripada jenama sama ataupun berlainan.

Berfungsi memberi keyakinan kepada si pemakai untuk berhadapan di khayal ramai, minyak wangi menjadi satu daripada produk kecantikan penting tanpa mengira jenama mahupun harga, paling penting kesesuaian dan selera individu sendiri.

Diheret dengan kegilaan si ibu yang kerap mengunjungi kaunter jualan minyak wangi, pengumpul minyak wangi mini, Fairuz Saiful Bahri mengakui wanita itu antara faktor utama dia mengadakan koleksi peribadi.

"Menjadi anak sulung juga satu-satunya perempuan dalam keluarga membuatkan hubungan antara saya dan ibu lebih rapat. Jika dia ke pusat beli-belah, saya menjadi temannya paling setia sejak kecil."

"Satu lokasi wajib dikunjunginya ialah kaunter minyak wangi. Saya mula meminati minyak wangi mini sejak berusia 14 tahun, semasa percutian ke London bersama ibu





HARUM...antara yang menjadi pilihan Fairuz.

# mini

Setiap minyak wangi mini mempunyai keistimewaan tersendiri terutama daripada segi bau. Tetapi apabila membabitkan produk mini, faktor penarik bergantung kepada rekaan botolnya. Setiap haruman mini hanya akan dikeluarkan selepas minyak wangi bersaiz besar atau kandungan 100 mililiter (ml) dilancarkan di pasaran

untuk melawat bapa yang bekerja di Dublin ketika itu.

"Di sana harga minyak wangi jenama popular kegemaran ibu jauh lebih murah berbanding di tanah air. Sebaik saja ibu selesai membuat pembayaran, jurujual itu menghadiahkan minyak wangi mini Tommy Girl kepada saya.

"Pertama kali melihatnya, saya berhasrat untuk menyimpannya sebagai koleksi peribadi. Ketika itu saya masih di bangku sekolah dan mengehadkan pembelian produk comel itu sekeralah mungkin, tambahan pula kosnya mencecah lebih RM30 sebotol," katanya.

Ketika melanjutkan pelajaran dalam Diploma Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) beberapa tahun lalu, gadis berusia 27 tahun ini kembali berjinak-jinak mengunjungi pusat beli-belah memantau sekiranya si mini kegilaannya menghiasi kaunter jualan.

Ditemani rakan rapat menjelajah setiap pelosok pusat beli-belah popular di ibu negara, Fairuz mengakui kadangkala terpaksa menelan air liur apabila terlalu banyak minyak wangi mini ditawarkan sedangkan bajetnya tidak mencukupi.

Semasa zaman universiti, peruntukannya berbelanja secara berlebihan untuk haruman mini terhad berikutnya masih bergantung kepada sumber kewangan diberikan keluarga dan pinjaman.

"Jika ada bajet lebih dalam sebulan, saya membeli satu botol minyak wangi mini tanpa mengira jenama. Paling penting, rekaannya menarik dan sangat unik.

"Mungkin ada segelintir pengumpul mempunyai minat tersendiri terhadap jenis mahupun jenama minyak wangi tetapi saya tidak hanya menjurus kepada satu-satu nama, sebaliknya kepelbagaiannya haruman mini.

"Setiap minyak wangi mini mempunyai keistimewaan tersendiri terutama daripada segi bau. Tetapi apabila membabitkan produk mini, faktor penarik bergantung kepada rekaan botolnya. Setiap haruman mini hanya akan dikeluarkan selepas minyak wangi bersaiz besar atau kandungan 100 mililiter (ml) dilancarkan di pasaran.

"Ia memaksa saya menunggu dalam jangka masa agak panjang untuk memilikinya, sekurang-kurangnya empat bulan," katanya.

Walaupun bersaiz mini, ia tidak bermakna haruman ada kekurangan berbanding bersaiz besar. Sebaliknya, si comel itu benar-benar mengikut spesifikasi, reka bentuk, material, warna juga inti pati aroma seperti 'ibunya', perbezaan hanya ketara pada saiz, isi kandungan dan harganya.

Apabila memiliki kerjaya sendiri, koleksi minyak wangi mini Fairuz semakin bertambah dan sekurang-kurangnya dia berbelanja kira-kira RM200 dalam tempoh satu hingga dua bulan untuk memenuhi kepuasan dirinya.

Berharga lingkungan RM30 hingga RM150, minyak wangi mini didatangkan dalam pelbagai tawaran sama ada secara individu mahupun set mengandungi tiga hingga lima botol haruman comel.

Melihatkan koleksi yang dibawa Fairuz ketika sesi fotografi, penulis mendapati kebanyakan koleksi Fairuz lebih kepada individu manakala set pula terdiri daripada jenama Channel dan DKNY.

Berkongsi rekaan haruman mini kegemarannya, Fairuz mengakui menggemari Tous yang dipersembahkan di dalam botol kaca berwarna ungu berisipadu 5 ml dan paling istimewa penutupnya berbentuk seekor beruang kecil.

Minat mendalam terhadap minyak wangi mini, kini Fairuz menjalankan perniagaan secara dalam talian untuk memenuhi permintaan sebilangan kecil pengumpul haruman mini.

Kebanyakannya pelanggan menghubunginya untuk mendapatkan minyak wangi mini sebagai koleksi peribadi mahupun kegunaan harian terutama individu yang kerap melancong.

Mendapatkan bekalan dari luar negara menerusi pembelian dalam talian, Fairuz juga mengakui kekerapannya melancong terutama pantai membuka ruang baginya untuk menambahkan koleksi produk mini.

Menjadikan kawasan perniagaan bebas cukai dan jualan di dalam kapal terbang sebagai 'kedai' kegemarannya, gadis ini mengakui pembelian di dua lokasi terbabit jauh lebih murah berbanding pusat beli-belah.

Menariknya, Fairuz turut bergelar pakar minyak wangi dan menjadi rujukan teman sebelum mereka mendapatkan haruman sesuai dengan personaliti masing-masing.

## Fakta minyak wangi:

- Masyarakat Mesir dikatakan golongan pertama yang menggunakan minyak wangi sebagai sebahagian daripada upacara keagamaan.
- Ia digunakan pada kulit bagi tujuan kosmetik mahupun ubatan.
- Dianggap satu daripada bahagian penting dalam kehidupan zaman purba dan terbukti dalam penemuan arkeologi.
- Turut digunakan untuk upacara kematian dan kelengkapan tandas.
- Pada zaman purba hanya golongan tertentu mempunyai pengetahuan untuk menghasilkan minyak wangi.
- Penggunaan minyak wangi kemudiannya berkembang ke Greece, Rom dan beberapa dunia Islam.